

Banyak kerja perlu dibuat untuk kembali dihormati: Anwar

Kuala Lumpur: Masih banyak perlu dilakukan oleh Kerajaan Pakatan Harapan (PH) supaya negara kembali dihormati dunia, kata Ketua Umum PH, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Katanya, masih banyak juga perlu diusahakan oleh kerajaan termasuk meneruskan reformasi, terutama berkaitan dasar ekonomi yang mengangkat isu membebaskan masyarakat daripada kemiskinan.

Beliau yang juga Presiden PKR, berkata tekad dan iltizam politik juga harus diselaraskan agar ia benar-benar memberi impak menyeluruh.

"Ia supaya kekayaan tidak hanya berlegar dalam kalangan mereka yang kaya dan berpangkat sahaja, malah mesti mengesankan mereka yang menderita, terpinggir dan melarat.

"Harus diingatkan, masalah hubungan antara kaum dan agama di negara ini dilihat semakin meruncing tatkala PH sedang menjelmakan perubahan dan reformasi yang didambakan," katanya dalam perutusan sempena ulang tahun pertama pentadbiran PH, semalam.

Usah pandang ringan

Anwar berkata, ancaman api perkauman dan kejumudan tidak harus dipandang ringan atau diletak ke tepi kerana jika dibiarkan, ia boleh meroboh segala usaha untuk meletakkan negara ini kembali ke landasannya.

Beliau juga secara peribadi menyatakan penghargaan kepada Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad yang berusaha menggembeleng seluruh tenaga dan pihak dalam kalangan pembangkang ketika itu bagi mengubah landskap politik negara ke tahap yang dikecapi hari ini.

"Alhamdulillah, hari ini (semalam) ulang tahun pertama pentadbiran PH dan ulang tahun pertama negara ini berjaya menundukkan kebobrokan, kebejatan dan keangkuhan. Berkat dukungan dan sokongan rakyat berbilang kaum dan agama, akhirnya memungkinkan peralihan kuasa yang aman dan demokrasi," katanya.